



MAZLAN (kanan) diiringi Pegawai Pendidikan Daerah Pasir Gudang, Kuswandi Tayen meninjau kesan kebakaran di SMK Pasir Gudang 3, semalam.

Rugi RM1j tiga bilik sekolah terbakar

Pasir Gudang: Operasi Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pasir Gudang 3 di sini, diteruskan seperti biasa walaupun tiga bilik di bangunan berkenaan terbakar jam 9.57 pagi semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Warisan dan Budaya negeri Mazlan Bujang berkata, pihaknya dimaklumkan kebakaran itu menyebabkan sekolah berkenaan kerugian hampir RM1 juta.

"Ada 250 pelajar tingkatan 5, 81 guru, sembilan kakitangan, empat tukang cuci dan tiga pekerja kantin berada di sekolah ketika kejadian.

"Semua pelajar dan petugas selamat. Pelajar dikumpulkan di lokasi perhimpunan kecemasan di padang sekolah," katanya di sekolah berkenaan.

Menurut Mazlan, punca kebakaran masih disiasat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Kerugian pula membabitkan peralatan komputer dan struktur bumbung.

"Pejabat Pendidikan Daerah akan mengadakan mesyuarat khas untuk membincangkan ke-

rugian dialami sekolah selain mencari sumber kewangan untuk disalurkan kepada sekolah berkenaan.

"Daripada segi bajet Kerajaan Pusat, kalau ada *budget emergency*, kita (kerajaan negeri) bagi. Kalau tidak, kita mohon dapatkan peruntukan tambahan.

"Sekolah tidak tutup, beroperasi seperti biasa kerana kapasiti ini (250 orang)

boleh menampung, ada bilik darjah lain," katanya.

Terdahulu, tiga bilik di bangunan berkenaan terbakar

jam 9.57 pagi.

Komander Operasi dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Pasir Gudang, Penguasa Kanan Bomba (Pg-KB) I Mohamad Faizul Selamat berkata, 24 anggota ke lokasi sebaik menerima panggilan kebakaran.

"Seramai 24 anggota dikejarkan ke lokasi kejadian. Kebakaran membabitkan bilik stor am, bilik sejarah dan bilik akses di tingkat tiga bangunan.

"Kejadian menyebabkan 80 peratus bilik stor am dan bilik akses terbakar. Kerosakan di bilik sejarah pula kira-kira lima peratus," katanya.

Kebakaran babitkan bilik stor am, bilik sejarah dan bilik akses di tingkat tiga